

## Bank Makanan bantu murid, golongan miskin di Perak

Sayed Hesham Idris

20 Jun 2019 9:16 PM



Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Sosial, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat negeri Perak, Wong May Ing (dua dari kanan) mengagihkan sumbangan roti kepada murid pada Perasmian Pilot Projek Perak Food Bank peringkat sekolah di SK Manjoi di Ipoh hari ini.

- UTUSAN ONLINE

IPOH - Kerajaan negeri akan menubuhkan projek Bank Makanan (Food Bank) bagi membantu golongan kurang berkemampuan di negeri ini. Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Sosial, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat negeri, Wong May Ing berkata, program itu dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak) dan Dewan Belia Perak.

Menurutnya, inisiatif itu adalah hasil cadangan ahli Dewan Belia Perak pada Sidang Dewan Belia tahun lalu dan jawatankuasa kerja akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi melaksanakan projek itu.

Beliau berkata, projek itu dapat membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup golongan isi rumah 3M iaitu miskin, miskin tegar, mudah miskin, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU), orang tua dan anak yatim.

"Projek ini adalah inisiatif peduli rakyat untuk membantu meningkatkan kesedaran bagi menyediakan makanan sekadar perlu sahaja.

"Ia juga boleh membantu pihak berkaitan seperti pasar raya, hotel untuk lebih sistematik dalam pengurusan lebihan makanan.

"Kita juga difahamkan roti yang diagihkan adalah roti yang memiliki tempoh tiga hari sebelum tamat tarikh luputnya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media pada Majlis Perasmian Pilot Projek Perak Food Bank peringkat sekolah di Sekolah Kebangsaan Manjoi di sini hari ini.

Pada majlis berkenaan, seramai 200 murid dari SK Manjoi 1 dan 2 menerima sumbangan roti Massimo yang disampaikan oleh May Ing dan Pengurus Kawasan, FFM Marketing, Cheong Chee Leong. Program berkenaan akan dilaksanakan pada setiap Khamis di sekolah-sekolah rendah di sekitar daerah Kinta Utara dan Kinta Selatan.

May Ing berkata, program penyerahan roti itu telah bermula April lalu dan hanya melibatkan enam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) namun dihentikan sementara pada bulan Mei demi menghormati bulan Ramadan.

"SK Manjoi adalah sekolah kebangsaan pertama yang menerima sumbangan roti ini dan sekolah ketujuh selepas enam SJKC sebelum ini. - UTUSAN ONLINE

